

22/02/2002

Kurang galakan punca pelajar Melayu lemah

Mohd Feroz Abu Bakar

KEGAGALAN sebahagian besar pelajar Bumiputera mencatat keputusan cemerlang dalam pelajaran di semua peringkat, termasuk universiti berpunca daripada sikap keluarga yang kurang memberi galakan serta dorongan.

Bekas Pengarah, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Mohd Said Mohd Kadis, berkata rata-rata pelajar Bumiputera tidak mempunyai kecenderungan untuk mencapai keputusan terbaik atau paling cemerlang dalam akademik kerana kurang galakan daripada keluarga.

Beliau berkata, walaupun keluarga Bumiputera sedar mengenai kepentingan pendidikan, tetapi kebanyakan mereka gagal membimbing anak-anak mereka untuk mencapai keputusan yang terbaik.

Lebih malang lagi, katanya, sesetengah ibu bapa tidak menjalankan peranan dengan sepenuh hati untuk membantu anak mereka dalam pelajaran disebabkan pelbagai faktor seperti kurang kemahiran, pengetahuan atau sibuk dengan tugas harian.

"Asas disiplin dan motivasi yang tidak kukuh sejak dari rumah akan hanya melahirkan pelajar sederhana dan mereka ini, walaupun berjaya memasuki universiti, mereka tidak mampu bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera.

"Ini disebabkan, keluarga bukan Bumiputera sebahagian besarnya sangat mementingkan kecemerlangan dalam pelajaran dan sanggup berbelanja besar untuk membeli bahan pembelajaran tambahan membantu anak mereka dalam pelajaran.

"Ramai pelajar Bumiputera di universiti mempunyai latar belakang atau budaya yang tidak begitu menekankan pentingnya memperoleh keputusan cemerlang, di samping perlu bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera yang sememangnya dilatih sejak kecil supaya mencapai yang terbaik.

"Hasilnya, pelbagai pihak termasuk pensyarah, menyalahkan pelajar Bumiputera dengan mendakwa mereka tidak pandai, sebaliknya pelajar ini masih memerlukan bimbingan pensyarah kerana tidak pernah dilatih untuk belajar dengan gigih," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata pelajar Bumiputera termasuk yang cemerlang dalam peperiksaan di peringkat sekolah masih perlu dibantu dalam kemahiran pembelajaran walaupun mereka sudah berjaya mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT).

Ini disebabkan, mereka tidak mempunyai persediaan yang mencukupi untuk bersaing dengan kaum lain ketika mengikuti pengajian yang lebih tinggi terutama dalam bidang sains dan teknologi (S&T).

Justeru, program pengajian prauniversiti seperti Pengajian Matrikulasi menjadi tapak terbaik untuk memberi kemahiran asas pembelajaran peringkat tinggi untuk pelajar Bumiputera.

Said memulakan perkhidmatannya dengan UM sejak 1972 dan dilantik sebagai Pengarah Pusat Asasi Sains antara 1982 hingga 1990 dan 1997 hingga tahun ini.

Beliau yang berasal dari Klang, Selangor bersara sejak 10 Februari lalu.

Pada 1981, Said dipertanggungjawab oleh Naib Canselor UM ketika itu, Prof Diraja Ungku Aziz untuk merangka program latihan dan menggubal kurikulum pengajian persediaan untuk menghantar pelajar Malaysia ke Jepun.

Program itu sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur, iaitu mencontohi nilai kerja yang baik rakyat Jepun.

Said berkata, beliau dan rakan-rakannya terpaksa bertungkus-lumus untuk

menyediakan program persediaan berkenaan kerana ketika itu tiada sebarang model untuk program seumpamanya yang boleh dijadikan panduan.

Dengan nama Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ), program itu dijalankan di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Pusat Asasi Sains UM dengan memberi kelas persediaan bahasa Jepun dan subjek sains teras selama dua tahun.

Selepas 20 tahun, program itu berjaya melahirkan kira-kira 1,500 graduan dari universiti Jepun, tidak termasuk kira-kira 300 pelajar yang masih menuntut di Negara Matahari Terbit itu dan 149 pelajar yang akan berangkat ke Jepun Mac ini.

Lebih membanggakan, Said berkata, sebahagian daripada graduan universiti terkemuka Jepun, hasil didikan asas di AAJ kini menerajui syarikat swasta terkemuka sama ada milik rakyat Jepun atau milik tempatan.

Katanya, pelajar yang berjaya mengikuti pengajian RPKJ ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk yuran pengajian dan sara hidup sepanjang pengajian di Jepun.

Katanya, sebahagian kecil daripada graduan AAJ yang sudah menamatkan pengajian ijazah pertama di Jepun meneruskannya hingga peringkat sarjana dan kedoktoran.

Beliau berkata, beberapa graduan RPKJ juga kini bertugas sebagai pensyarah AAJ.

Tahun ini, seramai 160 lulusan Sijil Pelajaran Malaysia dijangka mengikuti pengajian di bawah RPKJ.

Selain RPKJ, Pusat Asasi Sains UM yang ditubuhkan pada 1975, tahun ini meraikan sambutan Jubli Perak.

Pusat hasil inisiatif Ungku Aziz, Said dan beberapa pensyarah lain itu sudah melahirkan kira-kira 15,000 pelajar yang kemudiannya meneruskan pengajian peringkat ijazah pertama di UM.

Program itu bertujuan memberi persediaan yang kukuh dari segi kemahiran dalam subjek sains untuk pelajar Bumiputera bagi membolehkan mereka bersaing dengan pelajar bukan Bumiputera.

Program Asasi Sains yang dijalankan oleh pusat berkenaan kemudiannya dijadikan model untuk Program Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan beberapa universiti awam lain.

(END)